

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

KHAMIS, 29 OKTOBER 2020

Nasional

Penularan COVID-19

# 8 kematian, 4 kluster baharu

801 jangkitan dengan dua kes import dari Iran, Arab Saudi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mahani Ishak  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan melaporkan lapan kematian berlaku semalam dengan tujuh daripadanya di Sabah dan satu di Selangor, selain mengenal pasti empat lagi kluster baharu COVID-19, iaitu di Sabah, Sarawak, Johor serta Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 801 jangkitan baharu menjadikan jangkitan COVID-19 29,441 kes.

Katanya, pertambahan itu menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhajngkitan sebanyak 10,123 kes.

Beliau berkata, daripada 801 kes itu, dua daripadanya kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, iaitu Iran dan Arab Saudi.

"Sabah mencatatkan 546 kes (68.2 peratus), manakala negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 103 kes (12.8 peratus) daripada jumlah keseluruhan kes.

"Keempat-empat negeri ini menyumbang 649 kes (81 peratus) daripada jumlah harian kes positif COVID-19 secara keseluruhan.

"Semua negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, lapan kematian semalam membabitkan mangsa berusia antara 35 hingga



Anggota tentera mengawal laluan masuk di kawasan Putra Point berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Nilai, semalam. (Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

73 tahun.

Beliau berkata, pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah kes kematian disebabkan oleh COVID-19 246 kes atau 0.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, kematian ke-239 di Hospital Queen Elizabeth membabitkan lelaki warganegara berusia 66 tahun yang mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia.

"Kematian ke-240 berusia wanita 73 tahun dengan penyakit paru-paru kronik di Hospital Tawau.

"Dua kematian direkodkan di Hospital Duchess of Kent, iaitu masing-masing membabitkan lelaki berusia 56 dan 70 tahun dengan latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan paru-paru obstruktif kronik.

"Seorang lagi pesakit yang meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh, Selangor pula membabitkan wanita berusia 61 tahun mempunyai kencing manis dan darah tinggi," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, daripada semua mangsa itu enam warganegara dan dua lagi bukan warganegara.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 573 pesakit pulih daripada COVID-19 semalam menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh 19,072 kes.

Katanya, bilangan kes sembuh itu mewakili 64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sabah mencatatkan kes sembuh sebanyak 294 kes, diikuti Selangor 116, Kedah 116, Perak 23, Pulau Pinang 18, empat kes di Melaka dan satu kes masing-masing di Pahang dan Johor," ka-

tanya.

Dr Noor Hisham berkata, kluster baharu, iaitu Kluster Seri Gaya dilaporkan di Kota Kinabalu dan Tuaran, Sabah, membabitkan kes indeks ke-13,153 dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala kelmarin, dan mengesan 15 lagi kes positif dengan mereka dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

"Kluster Greenhill di Kuching dan Miri, Sarawak pula membabitkan saringan individu bergejala pada 25 Oktober.

"Bagi Kluster Idaman di Petaling dan Gombak, Selangor serta Titiwangsa dan Cheras di Kuala Lumpur, membabitkan kes indeks bagi kes ke 16,044," katanya.

Beliau berkata, Kluster Bayu dikesan di Johor Bahru dan Muar, Johor yang membabitkan kes indeks ke-25677.

## Petugas kesihatan alami kelesuan mental, fizikal

**Putrajaya:** Penularan COVID-19 yang kini memasuki gelombang ketiga memberi kesan kepada petugas kesihatan hingga mengakibatkan kelesuan mental dan fizikal.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sebahagian besar kakitangan Kementerian Kesihatan berada di lapangan.

Katanya, seperti pasukannya, beliau juga mengalami kelesuan mental dan fizikal berikutan tekanan tugas dalam mencari jalan membendung penularan COVID-19.

Beliau berkata, kelesuan dialami petugas di lapangan, turut dirasai kakitangan yang berada ibu pejabat, di sini.

"Memang (mengalami kelesuan), KP (Ketua Pengarah) Kesihatan juga terkesan. Malam pun tidak boleh tidur kerana mencari jalan penyelesaian terhadap masalah.

"Kadang-kadang bangun jam 3 atau 4 pagi untuk fikirkan masalah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, apa yang dilalui ketika ini ialah cabaran kepada semua petugas barisan hadapan.

Katanya, mereka perlu bijak mengatur penggiliran kerja dan memberi masa kepada semua petugas untuk berehat.

Dr Noor Hisham ditanya jika beliau menyedari ada doktor perubahan di Sabah yang terpaksa mengambil pil tidur kerana mengalami tekanan mental, susulan bebanan kerja berlebihan.

Beliau berkata, 1,045 kakitangan digerakkan di Sabah dalam menentang penularan jangkitan, iaitu 667 kakitangan sedia ada di Sabah dan 378 dari Semenanjung.

Katanya, mereka membabitkan 150 kakitangan kesihatan awam dan 895 kakitangan perubatan.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) sudah memberi kelulusan pelantikan 1,223 calon baharu, iaitu 624 jururawat Gred U29; 336 penolong pegawai perubatan Gred U29; 213 penolong pegawai kesihatan persekitaran Gred U29 dan 50 juruteknologi makmal perubatan Gred U29.

"Seramai 317 jururawat Gred U29 ditempatkan di Sabah, manakala 18 lagi akan ditempatkan di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.



## PKPB bantu turun kadar kebolehhajngkitan

**Putrajaya:** Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Lembah Klang dan Sabah menunjukkan hasil dengan kadar kebolehhajngkitan COVID-19 menurun ke paras 1.1, selepas dua minggu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pengurangan itu daripada unjuran pada awal gelombang ketiga jangkitan iaitu 2.2 dan unjuran kedua yang dibuat minggu lalu, iaitu pada kadar 1.5.

"Kita bermula dengan gelombang ketiga pada 20 September lalu. Ketika itu, kita tidak pasti dan pada perkiraan kita, kadar kebolehhajngkitan 2.2, iaitu kita akan melihat kes harian antara 4,500 hingga 5,000 (jangkitan).

"Tetapi kita dapati berjaya melaksanakan PKPB, iaitu di Lembah Klang dan di Sabah. Selepas pelaksanaan PKPB, kita lihat minggu lalu, kadar kebolehhajngkitan menjadi 1.5," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ia-

rupun ada lonjakan kes pada dua tarikh iaitu 1,228 pada 24 Oktober lalu dan 1,240 kes dua hari kemudian yang menunjukkan kadar kebolehhajngkitan melebihi 1.5, secara purata ia kurang daripada unjuran 1.5 yang diletakkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Namun, katanya, kadar kebolehhajngkitan 1.1 masih tidak mencukupi kerana kes masih meningkat secara perlahan-lahan.

Beliau berkata, KKM akan terus mempertingkatkan aktiviti kesihatan awam untuk menurunkan kadar kebolehhajngkitan kurang daripada satu.

Dr Noor Hisham berkata, orang ramai perlu terus duduk di rumah jika tidak ada keperluan berada di luar kediaman, selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Beliau berkata, KKM akan terus mempertingkatkan aktiviti kesihatan awam untuk menurunkan kadar kebolehhajngkitan kurang daripada satu.

**Terkini COVID-19 573**

pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

**801** kes baharu disahkan, semalam

**246** jumlah kematian dicatat

**29,441** jumlah kes disahkan positif

**10,123** kes yang masih dirawat



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

## KKM minta henti sementara guna 2 vaksin

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meminta pengamal perubatan menghentikan sementara penggunaan produk vaksin SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra, sebagai langkah berjaga-jaga.

Isa susulan laporan kes kematian dikaitkan dengan kedua-dua produk vaksin influenza itu di Korea Selatan.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Datin Dr Faridah Aryani Md Yusof, berkata terdapat sembilan produk vaksin influenza yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia, termasuk dua produk vaksin influenza yang dikaitkan dengan kes kematian di



**Faridah Aryani Md Yusof**

Korea Selatan, iaitu SKYCellflu Quadrivalent dan Vaxigrip Tetra.

Beliau berkata, hanya Vaxigrip Tetra, Suspension for Injection in Prefilled Syringe saja dibekalkan

di fasiliti kesihatan KKM.

"Syarikat Sanofi Pasteur (pengeluar produk Vaxigrip Tetra) memaklumkan nombor kelompok produk Vaxigrip Tetra yang digunakan di Korea Selatan, tidak terdapat di pasaran negara lain, termasuk Malaysia.

"Setakat ini juga, tiada kes kematian dilaporkan susulan imunisasi vaksin influenza (quadrivalent) di negara ini," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Dr Faridah berkata, KKM akan memaklumkan perkembangan berkenaan situasi itu selepas maklumat lanjut diperolehi, selain menjalankan pemantauan secara berterusan melalui program pemantauan mutu produk

berdaftar dan farmakovigilans bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan sentiasa terjamin.

"KKM mengambil maklum MOH Circular No. 214/2020 yang dikeluarkan Health Science Authority (HSA), Singapura pada 25 Oktober 2020 bertajuk *Temporary Cessation on The Use of Two Influenza Vaccines* mengenai pemberhentian sementara penggunaan dua produk vaksin influenza, iaitu SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra.

"Isa sebagai langkah berjaga-jaga berikutan terdapat laporan kes kematian dikaitkan dengan kedua-dua produk itu di Korea Selatan," katanya.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

# Malaysia catat 801 kes baharu Covid-19

Sebanyak 81 peratus disumbang oleh negeri yang dikenakan PKPP

### PUTRAJAYA

**K**etua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sejumlah 801 kes baharu pandemik koronavirus (Covid-19) dicatat semalam dan 81 peratus daripadanya disumbang oleh negeri yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPP).

Beliau berkata, sejumlah 546 kes dikesan di Sabah manakala negeri di sekitar Lembah Klang mencatatkan 103 kes dengan Selangor sebanyak 89

kes dan Kuala Lumpur sebanyak 14 kes.

Selain itu, Negeri Sembilan mencatatkan 24 kes, Labuan (29), Sarawak (27), Pulau Pinang (19), Perak (enam), Johor (8), Kedah (28) dan Terengganu (11).

Kesemua kes melibatkan penularan tempatan kecuali dua kes import masing-masing satu di Selangor dan Kuala Lumpur melibatkan seorang warganegara serta seorang bukan warganegara yang tiba dari Iran dan Arab Saudi.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia 29,441 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 pula ialah 10,123 kes. Kesemua pesakit ini telah



DR NOOR HISHAM

diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang akhbar perkembangan situasi Covid-19 semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 573 kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya ialah 19,072 atau 64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, sebanyak 94 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 25 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Daripada maklumat terkini yang dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis Kebangsaan pula dimaklumkan terdapat pertambahan lapan kes kematian berkaitan Covid-19," katanya. - *Bernama*

### 'Saya juga alami kelesuan, sukar tidur'

**PUTRAJAYA** - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mendedahkan beliau turut mengalami kelesuan akibat tekanan tugas melawan pandemik Covid-19 sehingga sukar untuk tidur.

Katanya, kelesuan bukan hanya dialami petugas di lapangan. "Memang (mengalami kelesuan). KP Kesihatan juga terkesan... Semalam tidak boleh tidur kerana mencari jalan penyelesaian terhadap masalah," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di sini semalam.


Menurutnya, biarpun diberi waktu untuk berehat namun tanggungjawab terhadap tugas memaksanya untuk terus bekerja.

"Kadang-kadang bangun jam 3 atau 4 pagi untuk fikirkan masalah," katanya.

"Mungkin kita kena bijak mengatur penggiliran dan memberi masa untuk petugas kesihatan berehat," katanya ketika diminta mengulas berhubung laporan portal mengenai ada doktor yang bertugas di hospital di Sabah terpaksa mengambil pil tidur selepas mengalami tekanan mental akibat kerja berlebihan.


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




\*Dikemas kini pada jam 8 malam 27 Oktober 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 28,640 kes kepada 29,441 kes



### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
29,441	19,072	94	246	+801





AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## KKM henti sementara guna dua vaksin influenza

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menghentikan penggunaan *Vaxigrip Tetra Suspension for Injection in Prefilled Syringe* yang dibekalkan di fasilitinya susulan kes kematian yang dikaitkan dengan penggunaan dua vaksin influenza di Korea Selatan.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Dr Faridah Aryani Md Yusof dalam satu kenyataan berkata, terdapat sembilan produk vaksin influenza yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia, termasuk dua produk vaksin influenza yang dikaitkan dengan kes kematian di Korea Selatan iaitu *SKYCellflu Quadrivalent* dan *Vaxigrip Tetra*.

"Bagaimanapun, pengeluaran produk *Vaxigrip Tetra, Sanofi Pasteur* memaklumkan bahawa nombor kelompok produk *Vaxigrip Tetra* yang digunakan di Korea Selatan tidak terdapat di pasaran negara lain termasuk negara ini," katanya.

Menurutnya, KKM mengambil maklum berhubung MOH Circular No. 214/2020 yang dikeluarkan oleh Health Science Authority (HSA), Singapura pada Ahad lalu yang bertajuk *Temporary Cessation on*

*The Use of Two Influenza Vaccines* mengenai pemberhentian sementara penggunaan dua produk vaksin influenza iaitu *SKYCellflu Quadrivalent* dan *Vaxigrip Tetra*.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, KKM menasihatkan agar pengamal perubatan menghentikan sementara penggunaan produk vaksin *SKYCellflu Quadrivalent* dan *Vaxigrip Tetra*," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Faridah Aryani berkata, KKM juga menjalankan pemantauan secara berterusan melalui program pemantauan mutu produk berdaftar dan farmakovigilans bagi memastikan kualiti, keselamatan serta keberkesanan ubat-ubatan sentiasa terjamin.

"KKM akan memaklumkan perkembangan berkenaan situasi ini setelah maklumat lanjut diperoleh," katanya.

Dua hari lalu, agensi berita tempatan melaporkan 48 individu meninggal dunia di Korea Selatan selepas menerima suntikan vaksin influenza.

Kementerian Kesihatan Korea Selatan baru-baru ini berkata, tujuh vaksin influenza dikenal pasti diberikan kepada mangsa yang meninggal dunia.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Covid-19: Kes positif Sabah, Lembah Klang catat 81%

**PUTRAJAYA:** Sabah mencatat peningkatan kes positif Covid-19 berbanding kelmarin iaitu 546 kes manakala di negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 103 kes merangkumi 81 peratus daripada keseluruhan 801 kes baharu semalam.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif di negara ini sebanyak 29,441 kes, manakala

jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan 10,123 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat lapan kes kematian direkodkan selain empat lagi kluster baharu.

Katanya, kluster-kluster itu ialah Kluster Seri Gaya di Kota Kinabalu dan Tuaran, Sabah (17 kes), Kluster Greenhill di Kuching dan Miri Sarawak (25), Klus-

ter Idaman di Petaling Selangor serta Titiwangsa dan Cheras, Kuala Lumpur (11) dan Kluster Bayu di Johor Bahru dan Muar, Johor (lapan).

Menurut beliau, sebanyak 62 kes adalah berkaitan kluster-kluster penjara dan hanya dua kes melibatkan kes import selain 573 kes pulih dicatatkan, manakala terdapat 94 kes positif sedang dirawat di Unit

Rawatan Rapi (ICU) yang mana 25 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula ialah Selangor merekodkan 88 kes, Labuan (29), Kedah (28), Sarawak (27), Negeri Sembilan (24), Pulau Pinang (19), Kuala Lumpur (13), Johor (lapan) dan Perak (enam)," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

## Henti guna 2 vaksin influenza

**PUTRAJAYA:** Kementerian Kesihatan menasihatkan pengamal perubatan menghentikan sementara penggunaan dua produk vaksin influenza, SKYCellflu Quadrivalent dan Vaxigrip Tetra.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi kementerian, Datin Dr. Faridah Aryani Md. Yusof berkata, perkara itu sebagai langkah berjaga-jaga susulan terdapat laporan kes kematian dikaitkan kedua-dua produk tersebut di Korea Selatan.

Bagaimanapun katanya, nombor kelompok produk Vaxigrip Tetra yang digunakan di negara itu tidak terdapat di pasaran negara lain termasuk Malaysia seperti dijelaskan syarikat pengeluar produk berkenaan, Sanofi Pasteur.

"Setakat ini tiada kes kematian yang dilaporkan susulan imunisasi vaksin influenza quadrivalent di negara ini," katanya di sini semalam.

Faridah Aryani berkata, kementerian akan terus memantau bagi memastikan ubat-ubatan di negara ini adalah berkualiti dan terjamin selamat.

Katanya, terdapat sembilan jenis vaksin yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia, termasuk dua vaksin itu.

Namun katanya, hanya Vaxigrip Tetra, *Suspension for Injection in Prefilled Syringe* yang dibekalkan di fasiliti kesihatan kementerian.

"Kementerian juga menjalankan pemantauan secara berterusan melalui program pemantauan mutu produk berdaftar dan farmakovigilans bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan sentiasa terjamin," katanya.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**



**Covid-19 #kitamestimenang**

Kosmo/ KHAMIS 29 OKTOBER 2020

81 peratus kes harian direkodkan di Sabah dan Lembah Klang

## Lapan lagi korban Covid-19

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Negara mencatatkan lapan lagi kematian dengan jumlah penularan harian sebanyak 801 kes.

Sebanyak 649 kes atau 81 peratus daripadanya disumbangkan dari Sabah dan Lembah Klang yang masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).


Daripada angka keseluruhan kes, Sabah mencatatkan sebanyak 546 kes atau 68.2 peratus, Lembah Klang menyumbang 103 kes atau 12.8 peratus, manakala 62 kes atau 7.7 peratus berkaitan kluster-kluster penjara.

Kes harian juga disumbangkan daripada 37 kluster aktif dengan empat daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Seri Gaya, Kluster Greenhill, Kluster Idaman dan Kluster Bayu.

Peningkatan turut membabitkan kes kematian dengan tujuh kes dilaporkan di Sabah dan satu kes di Selangor melibatkan empat lelaki dan empat wanita menjadikan sebanyak 246 kes kematian di seluruh negara.

Mereka berusia antara 35 hingga 73 tahun meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Hospital Tawau dan Hospital Duchess of Kent di Sabah serta Hospital Sungai Buloh di Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Seri Gaya yang dilaporkan semalam melibatkan



**TIMBALAN** Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner, Che Zakaria Othman (depan) meninjau lokasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Putra Point, Nilai kelmarin. – MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

daerah Kota Kinabalu dan Turan di Sabah dengan kes indeks lelaki berusia 65 tahun positif hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober.

Menurutnya, sebanyak 16 kes lagi dikesan positif selepas saringan kontak rapat dijalankan terhadap 64 individu dan kesemuanya telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

"Kluster Greenhill pula dilaporkan di Kuching dan Miri,

Sarawak iaitu kes indeks membabitkan lelaki berusia 29 tahun dikenal pasti hasil saringan individu bergejala pada 25 Oktober.

"Susulan itu, sebanyak 24 lagi kes positif dikesan selepas saringan dijalankan terhadap 51 individu dan kesemuanya telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak dan Hospital Miri,

manakala 26 individu lagi masih menunggu keputusan," katanya

pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Idaman pula melibatkan daerah Petaling dan Gombak, Selangor serta Titiwangsa dan Cheras, Kuala Lumpur dengan kes indeks ialah lelaki berusia 31 tahun dikenal pasti hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober.

"Justeru, sebanyak 10 kes dikesan positif hasil saringan kontak rapat terhadap 481 in-

**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	<b>801</b>
<b>Import: 2 Tempatan: 799</b>	
• Pulih	<b>573</b>
• Kematian	<b>8</b>
• Masih dirawat	<b>10,123</b>
• Jumlah kes sembuh	<b>19,072</b>
• Jumlah Kematian	<b>246</b>
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>29,441</b>

dividu dan kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, manakala 170 lagi kes sedang menunggu keputusan," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, satu lagi kluster baharu yang dilaporkan ialah Kluster Bayu di daerah Johor Bahru dan Muar, Johor membabitkan kes indeks lelaki berusia 29 tahun hasil saringan individu bergejala pada 23 Oktober.

"Hasil saringan kontak rapat terhadap 104 individu mengesan tujuh lagi kes positif dan mereka telah dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom di Klang, manakala 36 individu masih menunggu keputusan," ujarnya.

Tambah beliau, dua kes import yang dilaporkan semalam membabitkan seorang warga Malaysia dan seorang warga asing yang tiba dari Iran serta Arab Saudi.

## 949 petugas kesihatan dijangkiti

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 949 petugas kesihatan di seluruh negara dijangkiti Covid-19 sejak permulaan pandemik itu di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kebanyakan kes jangkitan berlaku di dalam komuniti dan bukan semasa bertugas di wad Covid-19 atau unit rawatan rapi (ICU).

"Kita dapati jangkitan bukan dari ICU atau wad Covid-19 sebaliknya berlaku dalam komuniti, contohnya kalau mereka menghadiri majlis perkahwinan sebelum menjangkiti rakan sekerja selepas kembali bertugas di hospital," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, petugas kesihatan yang terdedah kepada kes positif Covid-19 diwajibkan

menjalani kuarantin untuk tempoh tertentu bagi mengelakkan penularan jangkitan di hospital.

"Petugas kesihatan adalah petugas barisan hadapan yang paling berisiko dijangkiti, jadi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) perlulah diamalkan sepenuhnya ketika bertugas," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, sebanyak 246 kematian akibat Covid-19 dilaporkan setakat ini dengan membabitkan 136 kematian dalam gelombang kedua dan 110 dalam gelombang ketiga pandemik.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 44 kes kematian membabitkan mangsa yang telah meninggal dunia atau brought in dead (BID).

"Sebanyak 35 kes BID dalam gelombang ketiga, manakala

sembilan lagi dilaporkan dalam gelombang kedua," katanya.


Dalam perkembangan berbeza, Noor Hisham berkata, kadar kebolehhangkitan pesakit positif Covid-19 kepada individu lain (R naught) di seluruh negara diturunkan daripada 1.5 kepada 1.1 dalam tempoh dua minggu hasil aktiviti kesihatan awam yang dijalankan secara agresif oleh Kementerian Kesihatan.

Beliau berkata, KKM memerlukan tempoh sekurang-kurangnya dua minggu lagi untuk menurunkan nilai R0 kurang daripada 1.0 sekali gus melandaikan lekuk jangkitan Covid-19.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, kadar kebolehhangkitan di Sabah pula mungkin dapat dikurangkan dalam tempoh tiga hingga empat minggu lagi.

**SITUASI TERKINI**

## KES BAHARU COVID-19 DI SELANGOR





AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

6 **Negara!**

Kosmo! KHAMIS 29 OKTOBER 2020

Terdapat kes kematian babit produk SKYCellflu Quadrivalent, VaxigripTetra

## Henti guna dua vaksin influenza



+ KKM menasihatkan pengamal perubatan agar menghentikan sementara penggunaan dua produk vaksin influenza SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra. - GAMBAR HIASAN

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL

**PUTRAJAYA** - Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan kepada semua pengamal perubatan agar menghentikan sementara penggunaan produk vaksin SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Datin Dr. Faridah Atyani Md. Yusof berkata, ini berikutan terdapat kes kematian dikaitkan dengan kedua-dua produk vaksin tersebut di Korea Selatan berdasarkan laporan Health Science Authority (HSA) Singapura, pada 25 Oktober lalu bertajuk *Temporary Cessation on The Use of Two Influenza Vaccines*.

Menurutnya, terdapat sembilan produk vaksin influenza yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia termasuk dua produk vaksin influenza iaitu SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra.

Bagaimanapun, katanya, hanya vaksin VaxigripTetra, 'Suspension for Injection in Prefilled Syringe' sahaja yang dibekalkan di fasiliti Kementerian.

"Syarikat Sanofi-Pasteur iaitu pengeluar produk VaxigripTetra turut memaklumkan nombor kelompok produk VaxigripTetra yang digunakan di Korea Selatan tidak terdapat di pasaran negara lain termasuk Malaysia.

"Setakat ini tiada kes kematian yang dilaporkan susulan imunisasi vaksin influenza (Quadrivalent) di negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Faridah berkata, sebagai langkah berjaga-jaga, pihaknya menasihatkan agar pengamal perubatan menghentikan sementara penggunaan produk vaksin SKYCellflu Quadrivalent dan VaxigripTetra.

Beliau berkata, Kementerian akan memaklumkan perkembangan berkenaan dengan situasi itu setelah mendapat maklumat lanjut.


"Kementerian juga akan menjalankan pemantauan secara berterusan melalui program pemantauan mutu produk berdaftar dan farmakovigilans bagi memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan sentiasa terjamin," katanya.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

● THURSDAY, OCTOBER 29, 2020 . NewStraitsTimes

## Story of the day / NEWS | 3



### PANDEMIC FATIGUE

## Healthcare staff under much pressure, says D-G

**PUTRAJAYA:** Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday admitted that he was under a lot of pressure battling the Covid-19 pandemic for the past 10 months.

He said it was difficult to sleep at night and sometimes he would wake up around 3am just to think about finding solutions to the current situation.

"If you ask me if there is mental fatigue among the healthcare workers, I will say yes. Even those at the Health Ministry are experiencing the same.

"This is due to the relentless battle against the pandemic for 10 months without any holidays, coupled with a lot of meetings that require actions

to be taken on a daily basis.

"Some might be affected by the stress, including myself. Nonetheless, all the manpower in the ministry are executing their duties well despite the situation," he said at the Covid-19 press conference here.

He also said a total of 1,099 Health Ministry frontliners have contracted Covid-19 since the start of the pandemic.

Dr Noor Hisham said those in Sabah were still in high spirits to perform their duties and would give themselves a break from the exhausting workload.

"These are the challenges that we are facing, whether you are the frontliner or in management (capacity). We are fighting this battle, facing an enemy that we cannot see."

### 9 CLUSTERS

## Committee to draw up medium, long-term plans to address Covid-19 effects

**KUALA LUMPUR:** The ministerial committee on Covid-19 is now preparing medium- and long-term plans to address the impact of the pandemic in the country.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said it was identifying mid- to long-term solutions via nine clusters to cover all sectors, while short-term measures were being implemented.

"The nine clusters that have been created consist of economy, education, health, for example.

"The committee has been formed and relevant ministries have been appointed to lead the clusters.

"They are drafting plans for a long-term solution and would present them to the main committee to address the Covid-19 pandemic," he told a press conference on the government's plan should the pandemic continue for another eight months.

He said the committee, which he chaired, would be presenting its mid- and long-term plans during the pandemic to the special National Security Council meeting (and later to the cabinet). An announcement on it will be made later.

"We will look into the planning for the long term, as we don't know when the pandemic will end.

"As long as there are no vaccines available, there are still dangers from Covid-19. We must, however, move on with our lives while practising self-regulation."

On a separate matter, Ismail Sabri said university students who would be travelling abroad for the first time were allowed to be accompanied by a maximum of two persons.

He said university students who would be going abroad to start their first semester would need to furnish proof such as the university offer letter to the Immigration Department prior to the travel.

"Those who are just starting their studies abroad are allowed to bring their parents or a maximum of two persons to ease their studies abroad and this is an old SOP (standard operating procedure).

"They can furnish their offer letters. Those returning to their universities to continue their studies must show their university's schedule to prove their classes had started," he said.

He also announced the extension of the Conditional Movement Control Order (CMCO) in

Labuan for another 14 days from Oct 31 to Nov 13 due to a continuous rise in Covid-19 cases there.

He said the special NSC meeting had also decided to enforce the Enhanced Movement Control Order (EMCO) in three localities in Kudat district in Sabah, namely Kampung Pengaraban, Kampung Tanjung Kapor and Kampung Landung Ayang.

The order will take effect from Oct 30 to Nov 12.

The decision was made following the rise of Covid-19 cases in the three localities, which comprised 2,393 houses and involved 13,884 residents.

On the daily operations, Ismail Sabri said 501 people had been issued, compounds on Tuesday for flouting the Recovery Movement Control Order's SOP.

He said they were mostly from Kuala Lumpur (192), Selangor (155) and Sabah (36).

"Another six people were re-manded while one was granted bail."

He said the task force on SOP compliance conducted 52,327 inspections on Tuesday, including at 3,618 supermarkets, 4,672 restaurants, 1,217 factories and 1,511 markets.

The task force also inspected 2,946 places of worship and 1,230 recreational areas, he said.

Ismail Sabri said 1,073 air surveillance were conducted since May 1 in Sabah and Sarawak to protect the country's borders, as well as 22 maritime patrols under the ongoing Op Benteng.

"Yesterday (Tuesday), 18 illegal immigrants were detained under Op Benteng and authorities seized three land vehicles. They also mounted 295 roadblocks nationwide on Tuesday," he said.

Ismail Sabri said 38 sanitisation operations were conducted at 10 red, 11 yellow and eight green zones in 13 states.

"Since March 30, the Housing and Local Government Ministry has carried out 10,838 sanitisation operations nationwide at 136 zones," Ismail Sabri added.

He said from July 24 to Oct 27, a total of 55,883 people had returned to the country.

"Of the total, 9,002 returnees are undergoing mandatory quarantine at 64 hotels and 17 other premises nationwide," he said, adding that 381 people were taken to the hospitals for further treatment, while another 46,450 had been discharged and allowed to go home.

### BETTER SERVICES

## Health Ministry hopes for bigger allocation

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry is hoping for a bigger allocation in the 2021 Budget, scheduled to be tabled on Nov 6.

Its director-general, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, said such an allocation would provide better facilities and services to the people.

"We are looking at the non-infectious and infectious diseases as well as at the establishment of infectious disease hospitals.

"With the extra funds, we can do more training for healthcare staff on the ground and provide more medicines to hospitals.

"We need more allocation for us to improve and enhance our services and healthcare activities to the people," he said yesterday.

Dr Noor Hisham also said the ministry had detected four new Covid-19 clusters in Sabah, Sarawak, Selangor and Kuala Lumpur as well as Johor.



Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah says a bigger allocation will enable the provision of better facilities and services for the people. FILE PIC

They are the Seri Gaya Cluster with 16 cases involving the Kota Kinabalu and Tuaran districts in Sabah; the Greenhill Cluster (25 cases) involving the Kuching and Miri districts in Sarawak; Idaman Cluster (11 cases) involving the Petaling and Gombak districts in Selangor as well as the Titiwangsa and Cheras districts in Kuala Lumpur, and the Bayu Cluster (eight cases) involving the Johor Baru and Muar districts in Johor.

He said Malaysia logged 801 new cases yesterday, bringing the cumulative Covid-19 cases to 29,441.

Dr Noor Hisham said states under the Conditional Movement Control Order (CMCO) accounted for 649 or 81 per cent of the total number of cases yesterday.

He said 546 cases were detected in Sabah and 103 cases in the Klang Valley states.

Dr Noor Hisham said there were 62 cases are linked to the prisons cluster.

Eight new deaths were reported, involving seven patients from Sabah and one from Selangor, bringing total number of fatalities to 246.


On the current infectivity rate or R-Naught (RO) value, he said the nationwide RO value had fallen to 1.1 yesterday from 1.2 on Tuesday.

However, he said the lower RO value was not enough as the number of new cases was still growing.

"I hope the extension of the CMCO for another two weeks will lower the (RO) value to below 1."



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 4 & 5  
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY



Residents of Taman Semarak in Tawau, which is under the Enhanced Movement Control Order, having their swab samples taken yesterday. BERNAMA PIC

## Medical frontliners hope Budget focuses on health

**KUALA LUMPUR:** Frontliners and health professional groups are urging the government to draw up a healthcare-oriented Budget for next year.

Semporna Hospital's Dr Saraswathy Subramaniam called for more resources to be allocated to Sabah and Sarawak as the former continues to battle the Covid-19 pandemic.

"Developing East Malaysia's healthcare infrastructure should be the 2021 Budget's main focus.

"This includes equipping radiology departments with more magnetic resonance imaging machines, supplying more ventilators to paediatric departments and Intensive Care Units, and increasing acute care beds in hospitals.

"More cardiology centres should be established to speed up treatment of patients on the waiting list," she told the *New Straits*

*Times* yesterday.

Dr Saraswathy said the Budget should also focus on improving rural healthcare access in Sabah and Sarawak.

"More mobile clinics and medical camps should be set up to raise public awareness of healthcare in rural areas.

"In terms of logistics, more speedboats and water ambulance services should be deployed to remote areas," she said.

Meanwhile, Nor Asriah, 27, who works as a medical laboratory technologist in a hospital in Kuantan, hoped to see a bigger budget for Covid-19 laboratories.

"Covid-19 laboratories need more PCR (polymerase chain reaction) test kits, Covid-19 extraction kits, and personal protective equipment (PPE) for staff handling swab samples.

"The allocations can be used to get more oxygen tanks and set up

isolation rooms in Covid-19 wards," she said, adding that she hoped the Budget would provide healthcare workers with allowances.

Likewise, Malaysian Medical Association president Professor Datuk Dr Subramaniam Muniandy urged the government to mobilise adequate resources for the Health Ministry.

"The ministry requires massive funding to buy new medical equipment and supplies, such as PPE for frontliners.

"Previously, MMA had called for contract medical officers to be given a 10-year extension before absorbing them as permanent staff.

"We hope the government can factor our concerns into the Budget," he said.

Meanwhile, Malaysian Public Health Physicians' Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar urged the government to roll out incentives for frontliners.

"Frontliners deserve a personal protective equipment allowance as they are exposed to the virus while changing PPE.

"They should also receive

childcare subsidy and housing incentives under PRIMA.

"The government can also rope in more people to help our healthcare workers by offering incentives to volunteers," he said.

Besides rewarding frontliners, Dr Zainal called on the government to build the country's vaccine manufacturing capacity.

"We have immunology and biochemistry experts, but we do not have the facilities necessary to develop a Covid-19 vaccine.

"For example, only one public university in Malaysia has a Drosophila laboratory, while Oxford University has more than eight Drosophila laboratories.

"Therefore, we need to upgrade our universities' laboratories to cater for vaccine development," he said.

Dr Zainal advised the government to review tax regulations for certain items to promote a healthy lifestyle among Malaysians.

"The government should consider reducing taxes for nutritious foods, such as wholemeal flour, basmati rice and olive oil. This will encourage parents to prepare nutritious meals for their

children.

"In contrast, the government should increase excise duties on cigarettes, alcohol and sugar, as well as other products that are harmful to health," she said.

Meanwhile, Malaysian Pharmaceutical Society president Amrahi Buang requested tax cuts for donations to professional bodies, such as itself.

"When the pandemic began in Malaysia, we used our funds to provide free masks to all pharmacists nationwide.

"So it is only fair if those contributing to our fund are given tax cuts.

"Besides that, pharmacists need to obtain continuous professional development points to apply and renew their Annual Retention Certificate and Type-A Licence.

"So, we hope the 2021 Budget will dedicate a 'Professional Development Fund' for young pharmacists and give subsidies for our professional development programmes," he said.

Amrahi said pharmacists were also frontliners like doctors and that they should be given free Covid-19 vaccines.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS / NATION

OPERATIONAL SOON

## Labuan gets temporary Covid-19 hospital

**LABUAN:** The Labuan Health Department has set up a temporary Covid-19 hospital for low-risk patients, which will begin operations this weekend.

Its director, Dr Ismuni Bohari, said the facility would have 150 beds and ease the congestion at Labuan Hospital.

"We are aggressively doing targeted screening, so we are expecting a surge of 20 to 30 cases per day in the next couple of days and continuing into next week.

"Bed capacity at Labuan Hospital has been increased to 190, which is the maximum. It cannot accommodate more than that, so we hope to open the temporary hospital by tomorrow (today) or the latest, Saturday," he said yesterday.

Dr Ismuni said the temporary hospital, which is located near Labuan Hospital, was set up with the National Security Council and the local authorities.

"We must be prepared for the surge (in daily cases). Looking at the figures for 32 days (from Sept

26 to Tuesday), Labuan has recorded 319 cases.

"Before mandatory screening was implemented at Labuan's entry points — the ferry terminals and airport — on Sept 27, we only had 27 cases."

Dr Ismuni said 864 samples were collected on Tuesday, bringing the total number collected from Sept 27 to Oct 27 to 23,870. A remaining 5,950 samples are still being analysed.

Labuan has six clusters with the new Limbungan cluster (at a shipyard) with 20 cases identified on Tuesday. It is the second biggest after the Saguking cluster with 162 cases.

Labuan, Malaysia's international business and financial centre as well as oil and gas hub, has been recording double-digit cases over the last few days with 76 new cases recorded on Tuesday, bringing the tally to 346 cases.

A Conditional Movement Control Order is in force there until tomorrow. **Bernama**



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION

## PRECAUTION

## Ministry stops the use of 2 influenza vaccines

KUALA LUMPUR

**T**HE Health Ministry has advised medical practitioners to temporarily stop the use of two influenza vaccines, SKYCellflu Quadrivalent and Vaxigrip Tetra, following reports of deaths linked to the products in South Korea.

Pharmaceutical Services senior director Datin Dr Faridah Aryani Md Yusof said yesterday the action was taken as a precautionary measure.

"The Health Ministry takes note of Circular No. 214/2020 issued by the Health Science Authority of Singapore on Oct 25, entitled 'Temporary Cessation on the Use of Two Influenza Vaccines'.

"There are nine influenza vaccine products registered with the National Pharmaceutical Regulatory Agency, including the two influenza vaccine products

linked to the death cases in South Korea."

However, she said, only the Vaxigrip Tetra, Suspension for Injection in Pre-filled Syringe was provided at the ministry's health facilities.

Dr Faridah Aryani said Sanofi Pasteur, the manufacturer of Vaxigrip Tetra, had stated that the batch number of products used in South Korea was not available in other markets, including Malaysia.

"So far, no deaths have been reported in the country with regard to influenza vaccines (quadrivalent)."

Dr Faridah Aryani said the ministry had quality monitoring systems in place and practised pharmaco-vigilance to ensure the quality, safety and effectiveness of medicines.

She said the ministry would keep the public updated on the matter. **Bernama**



AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, THURSDAY 29 OCTOBER 2020

# 'One third was brought in dead'

## DG: 35 out of 110 were from Sabah

By JOSEPH KAOS Jr and CLARISSA CHUNG  
 newsdesk@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Almost a third of the Covid-19 deaths during the current third wave was brought to the hospital dead, said the Health Ministry.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said out of 110 deaths since the end of September, 35 of them were classified as "brought in dead" (BID) cases.

All 35 cases involved deaths in Sabah, currently the epicentre of the Covid-19 outbreak in the country.

"We have 44 BID cases. Out of the 44, nine cases happened during the second wave, and 35 during the third wave."

"We have sent forensic experts to Sabah to ensure that they teach and look at the services on how to properly separate the BID cases on the field," said Dr Noor Hisham at the Health Ministry's Covid-19 press briefing at its headquarters here yesterday.

So far, 246 people have died due to Covid-19 in the country since the outbreak began earlier this year.

Dr Noor Hisham said 136 of the fatalities were in the second wave while 110 deaths

occurred in the current wave.

Yesterday alone, the country saw eight new deaths, with seven of them reported in Sabah and one in Selangor.

The youngest of the eight was a 35-year-old woman who died at the Queen Elizabeth II Hospital in Kota Kinabalu.


Dr Noor Hisham said the deceased had a history of high blood pressure, asthma, stroke and dyslipidemia.

The remaining cases were those aged from 56 to 73, with most of the cases having comorbidities (more than one disease or condition present in the same person at the same time).

Currently, 94 Covid-19 patients are under intensive care nationwide, with 25 of them requiring ventilator support.

Dr Noor Hisham, however, said there are positive signs since the government imposed the conditional movement control order (MCO) in Sabah and the Klang Valley in the past two weeks, as the infectivity level has shown improvement.

The R0 (pronounced R-naught), which is the value of a virus' infectivity, has dipped from 2.2 to 1.1 since the conditional MCO was enforced. "If the R0 was 2.2, we would have seen an average of 4,500 cases a day by the end of October. But the R0 has gone down to 1.1."



"This is still not enough as we want it to go down to at least 0.3, and this requires the cooperation of all Malaysians," he said.

The number of new cases yesterday was 801, down from 835 the previous day and the

record daily hike of 1,240 on Monday. Active cases in the country have reached the 10,000 mark for the first time, with 10,123 patients having tested positive and under treatment.